

Analisis Tinjauan Literatur Sistematik (SLR): Elemen Humanisme dalam Sistem Pendidikan

Muhaymin Hakim Abdullah^{1*}, Lutfan Jaes^{1*} & Mohd Zulfadli Rozali², Nurizyani Azhar¹, Yuslizar Kamaruddin¹, Asyraf Maula¹

¹ Jabatan Sains Sosial, Pusat Pengajian Umum & Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

² Jabatan Ikhtisas Pendidikan dan Siswazah, Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

*muhaymin@uthm.edu.my, lutfan@uthm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.30880/hsp.2022.02.02.007>

Received 5 October 2022; Accepted 30 October 2022; Available online 15 December 2022

Abstrak: Pendidikan merupakan satu proses pembelajaran dalam menyampaikan ilmu pengetahuan serta didikan nilai kemanusiaan yang perlu diberikan kepada setiap insan untuk dimanfaatkan. Namun, elemen pendidikan humanisme sering dilupakan. Kegagalan dalam menerapkan elemen ini ketika pembelajaran dan pengajaran dalam pendidikan akan memberi kesan kepada peningkatan permasalahan isu sosial di negara ini. Malah pelajar juga kurang minat untuk bersekolah kerana kebebasan serta kreativiti mereka seolah-olah disekat akibat kurangnya prihatin terhadap penyampaian secara humanistik ini. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti elemen terkini humanisme dalam pendidikan supaya dapat diperkasakan oleh tenaga pengajar. Kaedah PICo digunakan untuk membina persoalan kajian dan rangka kerja PRISMA digunakan sebagai garis panduan untuk proses semakan, setiap artikel yang dikumpul, diekstrak dengan teliti daripada pangkalan data *Scopus* dan *Google Scholar*. Elemen pendidikan humanisme adalah penting bagi menerapkan didikan secara humanistik sistem pendidikan. 10 elemen humanisme yang dikenal pasti adalah elemen berdikari, kebebasan, kesedaran, prihatin, sahsiah diri, integriti, kemanusiaan, tanggungjawab, rohani dan sokongan. Justeru, pendidikan humanisme diharap dapat membangunkan kemahiran fizikal dan kemahiran insaniah bagi melahirkan pelajar yang lebih bersedia dan relevan dengan keperluan semasa negara yang mempunyai ciri unggul dan sahsiah diri yang optimum. Malah kajian akan datang boleh dijalankan untuk menjelaskan lebih banyak cara pendekatan humanisme dalam pendidikan sebagai pengetahuan asas bagi semua pihak.

Kata Kunci: Dasar Awam, Pendidikan, Elemen Humanisme, Pendidikan Humanisme, Humanistik

*Corresponding author: muhaymin@uthm.edu.my

2022 UTHM Publisher. All rights reserved.

publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/hsp

1. Pengenalan

Humanisme dalam bahasa Latin adalah “*humanus*” yang bermaksud manusia dan memiliki makna berperikemanusiaan. Humanisme ialah salah satu aliran dalam falsafah pendidikan yang menekankan proses kognitif dan efektif dalam pembelajaran yang mengintegrasikan bakat dan potensi manusia supaya manusia boleh memilih dan mengatur kehidupan dengan lebih baik [17]. Matlamat humanisme ini adalah untuk melahirkan manusia yang mengenal diri dan Tuhan mereka melalui pengumpulan daripada nilai-nilai agama [2], kecerdasan, dan tingkah laku [18]. Selain itu, aliran humanisme ini lebih melihat kepada sisi pembangunan daripada keperibadian manusia. Secara tidak langsung, pembentukan keperibadian manusia yang baik dapat memberi impak positif dalam keupayaan seseorang. Keupayaan dalam bertindak positif ini dikenali sebagai potensi manusia [21].

Nilai dan sikap kemanusiaan yang berpaksikan humanisme saling berkait antara satu sama lain di mana nilai kemanusiaan itu merangkumi kepentingan kebebasan, kreativiti, keinginan, kerjasama, keyakinan, moral dan tanggungjawab daripada pendekatan humanisme malah, boleh menggalakkan individu untuk terus belajar secara tersusun dan mengikuti perubahan zaman melalui pendidikan humanisme [19]. Nilai-nilai kemanusiaan seperti kerohanian, hormat-menghormati, dan kasih sayang juga dapat dilihat melalui pendekatan humanisme [13]. Nilai akhlak dan disiplin sangat penting bagi manusia untuk melahirkan nilai budi pekerti [11]. Penerapan ciri-ciri humanisme dalam diri termasuklah kejujuran, simpati, belas kasihan, altruisme [7] yang seharusnya dipraktikkan. Selain itu, pengukuhan pendidikan dalam pembentukan akhlak perlu dilaksanakan kepada pelajar seawal mungkin bermula dari lingkungan keluarga, sekolah, dan meluas ke masyarakat malah, disiplin turut merupakan salah satu nilai sahsiah yang perlu dibangunkan [11]. Hal ini demi membentuk insan yang ideal dan humanistik [13].

Nilai humanisme seperti prihatin dalam proses pembelajaran dan pengajaran di mana seorang pengajar yang humanistik akan menekankan bahawa pelajar perlu mengelakkan tekanan persekitaran kerana apabila pelajar berasa selamat, proses pembelajaran akan menjadi lebih mudah dan bermakna [21]. Begitu juga, apabila pengajar prihatin terhadap setiap soalan yang difikirkan oleh pelajar dan merealisasikan penyampaian untuk diterokai selaku dengan pengajaran yang baik bagi memenuhi tahap ilmu pelajar ke tahap yang lebih menarik dan bermakna [20]. Bukan itu sahaja, pembelajaran dan pengajaran bahasa di sekolah boleh dikaitkan dengan pendidikan humanisme dengan menumpukan kepada pembangunan sikap dan memupuk nilai kemanusiaan yang positif seperti tolong-menolong, berbuat baik, beriman dan bertakwa. Selain itu, pendekatan moral kepada manusia ini melibatkan cinta akan keadilan, kebenaran dan kejujuran [8] untuk diterapkan dalam diri. Ini boleh menggalakkan individu untuk terus belajar secara tersusun dan mengikuti perubahan zaman [19]. Perwatakan pelajar melalui pendidikan, sangatlah penting untuk membentuk pola pemikiran mereka supaya potensi dalam pelajar dapat dikembangkan lagi sebagai bekalan untuk masa depan yang lebih baik [11].

Namun, aspek humanisme dalam sistem pendidikan sering dikecualikan disebabkan terdapatnya perbezaan antara konsep dengan pelaksanaan dalam sistem pendidikan [3]. Kegagalan dalam menerapkan elemen humanisme dalam sistem pendidikan mengakibatkan pelajar kurang minat ketika sesi pembelajaran [17] kerana kebebasan serta kreativiti pelajar seolah-olah disekat [12]. Di era moden, global, berteknologi tinggi dengan serba digital dilambangkan dengan peningkatan pengetahuan saintifik ini turut mendorong masyarakat khususnya remaja yang menganggap dirinya kelihatan seperti robot menjadikan mereka tidak endah kepada perkara di sekelilingnya tidak prihatin dan tidak mempunyai sifat kemanusiaan [8]. Pendekatan pendidikan humanisme merupakan penyelesaian terhadap hilangnya pendidikan humanistik dalam proses pendidikan. Oleh yang demikian objektif penulisan ini adalah untuk meneliti elemen pendidikan humanisme dalam proses pendidikan berlandaskan kepada integrasi penulisan kajian terdahulu sebagai panduan rujukan proses pembelajaran dan pengajaran.

2. Kepentingan Elemen Humanisme Dalam Sistem Pendidikan

Pendidikan bercirikan humanistik perlu diterapkan supaya pelajar mempunyai pertimbangan moral dan tanggungjawab sosial yang tinggi dalam diri mereka [1]. Malah, setiap ilmu seharusnya disampaikan dan diterima dengan kaedah yang sesuai dengan sifat-sifat kemanusiaan kerana melalui pendidikan juga dapat membentuk pelajar menjadi seorang insan yang titik perubahan itu sendiri adalah daripada nilai dalam diri [22]. Pendidikan humanisme ialah kaedah yang menggalakkan kesedaran serta kebebasan dinamik untuk memupuk suasana kreatif, kritis dan progresif demi mencipta sifat kemanusiaan secara menyeluruh dengan menggalakkan cara dialog, refleksi, ekspresif antara pendidik, pelajar mahupun alam sekitar [9] bertujuan untuk menjadikan seseorang manusia itu lebih humanistik [17]. Pendidikan humanisme ini merupakan satu langkah bersepodu untuk memanusiakan manusia untuk membentuk perwatakan dan menyedari potensi yang dimiliki setiap insan [4]. Perwatakan baik diri seorang pelajar dapat dibentuk sekiranya proses pendidikan ini disampaikan tenaga pengajar yang mementingkan elemen humanisme kerana konsepnya yang sangat strategik dalam meningkatkan kualiti sumber manusia yang boleh memupuk toleransi tinggi sesama insan [14].

Pendidikan humanisme boleh diterapkan melalui kuliah, model peranan, latihan kemahiran interpersonal, kesusteraan dan kajian seni [7]. Namun, pembelajaran bukan sekadar pembangunan kualiti kognitif sahaja, tetapi turut menekankan kepentingan emosi atau perasaan, komunikasi terbuka dan nilai yang ada pada setiap pelajar [15]. Sekolah merupakan pusat perkembangan potensi, bakat dan melahirkan pelajar yang cemerlang dalam pendidikan dan sahsiah diri [14]. Aspek humanisme secara menyeluruh tertumpu untuk melahirkan individu yang berintegriti, pintar dan berbakti. Manusia telah diberi tanggungjawab untuk menjaga dan mengharmonikan hubungan antara sesama manusia dan juga alam [18]. Oleh sebab itu, pendidikan humanisme seharusnya dilakukan secara terus-menerus [17].

Penerapan model pembelajaran humanisme dalam pendidikan di sekolah seharusnya difahami oleh semua pihak terutamanya warga pendidik untuk mengajar, mendidik dan membimbing pelajar ke arah kejayaan demi masa depan yang sempurna [5]. Malah, pendidikan seharusnya dapat memupuk keinginan pelajar untuk belajar dan para pengajar dapat mengajar mereka cara belajar [11] yang efektif. Pelajar tidak sepautnya dipaksa untuk mengikut kehendak pengajar, namun, penerapan nilai humanisme secara tidak langsung dapat mendorong minat pelajar dalam sesi pembelajaran mereka dengan bimbingan pengajar [21]. Pengabaian status psikologi, budaya etika dan sosial akan menghapuskan sifat kemanusiaan dan empati masa hadapan mereka [7]. Oleh hal yang demikian, kurikulum pendidikan juga seharusnya perlu merangkumi perspektif kemanusiaan [8] supaya pelajar bebas dalam menentukan proses pembelajaran dan melakukan perkara positif [12] untuk mengembangkan rasa atau sifat humanisme [8].

Pada dasarnya, proses pendidikan yang dijalankan tidak seharusnya dipandang sebagai hanya aktiviti di bilik darjah atau aktiviti pembelajaran dan pengajaran semata-mata. Perkara ini perlu dititikberatkan demi merealisasikan proses pendidikan yang lebih ideal dan berkualiti. Oleh itu, pendidikan harus merangkumi pelbagai proses dan aktiviti yang lebih produktif, kreatif, membina kemahiran, pembangunan sahsiah, integrasi, kecemerlangan serta pengukuhan moral dan rohani [8]. Proses pendidikan yang baik penting sebagai penekanan terhadap kepentingan emosi atau perasaan dalam pelajaran, keterbukaan komunikasi dan nilai humanistik setiap pelajar [21]. Selain itu, penyediaan bahan pengajaran bahasa dan sejarah juga dapat menghubungkan pengajar, pelajar dan persekitaran yang lebih memupuk sifat prihatin [8].

Pendekatan pendidikan humanisme menekankan nilai moral, etika sosial, toleransi dalam kalangan ke arah kehidupan yang lebih baik dan harmoni [19]. Dengan pendekatan humanisme ini, proses pembelajaran dan pengajaran dapat menyumbang secara signifikan kepada pembangunan sahsiah pelajar dan mencapai tahap potensi sepenuhnya [8]. Tambahan pula, pendidikan humanisme yang diterapkan dapat mengajar pelajar untuk belajar secara berdikari [16], berfikir secara kritis dan kreatif serta memiliki keyakinan yang tinggi [8]. Peristiwa krisis moral akan terus berlaku dalam kalangan

pelajar sekiranya pendidikan humanisme tidak dititikberatkan [19] kerana generasi masa kini yang lebih cenderung dan mudah terdedah dengan nilai gaya hidup negatif [11].

Pendidikan humanisme iaitu idea yang menjelaskan martabat manusia sebagai manusia yang mempunyai potensi dan kebebasan untuk mengembangkan potensi psikologi, sosial dan budaya mereka dan bertujuan untuk menyempurnakan sifat kemanusiaan [13]. Pendidikan humanisme adalah proses dalam membimbing, memimpin, meluaskan serta membantu toleransi kehidupan asas manusia dari sudut rohani dan jasmani. Selain itu, Pendidikan humanisme lebih kepada konsep jasmani, mental, dan rohani [11]. Pendidikan humanisme adalah usaha kolaboratif untuk membimbing keperibadian dalam golongan muda sehingga boleh membentuk seseorang yang mempunyai sahsiah dan berakhhlak yang mulia [10]. Ini turut merupakan satu proses kesedaran dan memberikan kebebasan dinamik supaya dapat mewujudkan masyarakat yang berinovatif, kritis dan progresif [9].

Selain itu, pendidikan humanisme juga merealisasikan sistem pendidikan yang menjadikan para pelajar sebagai manusia yang bebas dalam menentukan dan melakukan perkara-perkara positif. Sebagai contoh, penerapan model pembelajaran humanisme dalam pendidikan agama [2] di sekolah untuk mengamalkan nilai-nilai perwatakan yang positif dalam diri pelajar [5]. Pendidikan humanisme ini juga berjaya membebaskan manusia daripada penindasan dan mengajarkan manusia untuk menanam sifat kemanusiaan [3].

3. Metodologi

Kajian ini adalah secara kualitatif kaedah tinjauan literatur sistematik atau SLR (*systematic literature review*) berlandaskan penemuan kajian lepas yang melalui proses tapisan dalam mengenal pasti serta dinilai secara kritis bagi mendapatkan hasil kajian.

3.1 Penggubalan Persoalan Kajian (Formulation of the Research Question)

Dua sumber telah digunakan untuk merumuskan persoalan kajian. Konsep daripada kajian terdahulu yang telah dipilih melalui proses pencarian dan saringan. Semua artikel terdahulu adalah berkaitan dengan ‘pendidikan humanisme’ terhadap pendidikan. Seterusnya, kaedah PICo iaitu *mnemonic* yang bermaksud "P" (*Population or Problem*), "I" (*Interest*), dan "Co" (*Context*) [6]. Tiga aspek utama telah digabungkan dalam kajian ini untuk menjana persoalan kajian berdasarkan konsep PICo. Aspek yang perlu dibincangkan tersebut ialah pendidikan humanisme (*Problem*), dan boleh ubah yang berkaitan dengan elemen humanisme (*Interest*) dan pendidikan (*Context*). Oleh hal itu, satu topik kajian tentang pendidikan humanisme terhadap pendidikan dapat diperbincangkan.

3.2 Strategi Pencarian (Searching Strategies)

Bahagian ini akan melalui dan menghuraikan kaedah yang digunakan untuk mengeluarkan maklumat daripada artikel yang berkait rapat dengan Elemen Pendidikan Humanisme dalam sistem Pendidikan. Kaedah PRISMA digunakan termasuklah pengumpulan dan penapisan sumber artikel dengan memilih kriteria kelayakan dan pengecualian. Semakan sistematik juga dijalankan, termasuk pengenalpastian, saringan, dan kelayakan, pengekstrakan data, analisis kandungan.

3.3 PRISMA

Garis panduan Penyata PRISMA, *Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses* telah digunakan untuk penyemakan. PRISMA mentakrifkan soalan penyelidikan yang jelas yang membolehkan semakan sistematik iaitu menapis artikel yang telah dikenal pasti melalui kriteria kemasukan dan pengecualian berdasarkan persoalan kajian untuk memeriksa pangkalan data yang besar dengan cepat. Menggunakan PRISMA membenarkan carian rapi berkaitan dengan Elemen Pendidikan Humanism dalam sistem Pendidikan.

3.4 Sumber (Resources)

Sumber carian artikel dilakukan melalui pangkalan data jurnal iaitu *Scopus* dan *Google Scholar*. *Google Scholar* digunakan untuk pencarian artikel semakan sistematik. *Google Scholar* dilancarkan pada tahun 2004 menawarkan pelbagai kesusasteraan dari pelbagai bidang. *Scopus* pula digunakan untuk mencari artikel berkaitan persoalan kajian. *Scopus* dilancarkan pada tahun 2004 dan mempunyai lebih 10,000 penerbit di seluruh dunia. Kaedah yang digunakan untuk mencari artikel ialah pemilihan sendiri merangkumi kriteria kemasukan dan pengecualian berdasarkan kelayakan artikel tersebut.

3.5 Kriteria Kelayakan dan Pengecualian (Eligibility and Exclusion Criteria)


Artikel jurnal sahaja terpilih untuk kajian ini. Artikel ulasan, buku, siri buku, dan bab buku tidak dimasukkan. Kemudian, carian hanya menggunakan penerbitan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sahaja. Oleh kerana terdapat banyak artikel tentang ‘pendidikan humanisme’, ulasan ini hanya memfokuskan pada penerbitan lima tahun terkini (2018-2022). Akhir sekali, kajian ini hanya melihat kepada elemen humanisme yang dikaitkan dengan sistem pendidikan sahaja dari pelbagai negara.

Jadual 1: Kriteria Kemasukan dan Pengecualian

| Kriteria | Kemasukan | Pengecualian |
|-----------------------|-----------------------------------|--|
| Jenis Dokumen | Artikel jurnal | Buku, Siri buku,Bab buku |
| Bahasa | Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris | Bahasa selain daripada Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris |
| Penerbitan Garis Masa | 2018 - 2022 | < 2018 |

3.6 Proses Semakan Bersistematik (Systematic Review Process)

Terdapat beberapa tahap dalam proses semakan bersistematis seperti dalam Rajah 1 di bawah.



Rajah 1: Model PRISMA

Tahap pertama ialah *Identification*. Pada peringkat ini, kata kunci untuk proses carian dikenalpasti. Berdasarkan tinjauan literatur, penyelidikan terdahulu dan tesaurus, kata kunci yang serupa dan berkaitan untuk Elemen Pendidikan Humanisme dalam sistem Pendidikan telah digunakan seperti dalam Jadual 2. Pada tahap ini, terdapat 12 persamaan artikel ditemui untuk pengecualian.

Tahap kedua ialah *Screening*, di mana 1731 daripada 1836 artikel telah dikecualikan berdasarkan jenis kesusasteraan dan bahasa, jenis bukan artikel, pilihan penerbitan garis masa dan ketersediaan artikel. Tahap ketiga adalah *Eligibility*, di mana artikel penuh telah diperiksa. Selepas pemeriksaan penuh, sebanyak 68 artikel telah dikeluarkan kerana tidak berkaitrapat dan tidak menumpu kepada Elemen Pendidikan Humanisme dalam sistem Pendidikan. Akhir sekali, sebanyak 21 artikel telah dimasukkan untuk semakan dan analisis kualitatif.

3.7 Abstraksi dan Analisis Data (Data Abstraction and Analysis)

Dua puluh satu, 21 artikel telah diperiksa dan dianalisis sepenuhnya. Analisis tertumpu kepada kajian yang menjawab persoalan kajian untuk ulasan ini. Hasilnya diperoleh dengan membaca abstrak dan kemudian meneliti artikel penuh untuk bacaan mendalam bagi mendapatkan maklumat berkaitan pendidikan humanisme yang terdapat dalam artikel tersebut. Seterusnya, analisis kandungan digunakan dalam analisis kualitatif untuk mengenal pasti tema berkaitan faktor yang dikaitkan dengan elemen pendidikan humanisme dalam sistem pendidikan.

Jadual 2: Rentetan Carian yang Digunakan dalam Proses Pengenalpastian

| Pangkalan Data | Rentetan Carian |
|----------------|--|
| Scopus | (TITLE-ABS-KEY ("humanisme" OR "humanism")) AND (("pendidikan humanisme" OR "humanism education")) AND ("pendidikan" OR "pengajaran" OR "pembelajaran" OR "education") AND (LIMIT-TO (PUBYEAR , 2022) OR LIMIT-TO (PUBYEAR , 2021) OR LIMIT-TO (PUBYEAR , 2020) OR LIMIT-TO (PUBYEAR , 2018)) |
| Google Scholar | ("humanisme" OR "humanism" AND "pendidikan humanisme" OR "humanism education" AND "pendidikan" OR "pengajaran" OR "pembelajaran" OR "education") |

4. Hasil dan Analisis Kajian

Penyelidikan lima tahun terkini telah mengenal pasti bahawa terdapat 10 elemen humanisme yang seharusnya diterapkan dalam proses pembelajaran dan pengajaran sistem pendidikan. Elemen humanisme yang dikenal pasti ialah berdikari, integriti, kebebasan, nilai kemanusiaan, kesedaran, tanggungjawab, prihatin, rohani, sahsiah diri dan sokongan.

Sebanyak 21 artikel koleksi kajian yang diterbitkan adalah antara 2018 hingga 2022. Sebanyak 2 kajian terkini dijalankan pada 2022, pada 2021 terdapat 8 kajian dan 5 kajian pada tahun 2020. Tahun 2019 terdapat 2 kajian yang telah diterbitkan dan 4 kajian lain diterbitkan pada tahun 2018. Penyelidikan ini mengaitkan pendidikan humanisme dengan elemen-elemen humanisme melalui pendidikan melalui kajian pendekatan kualitatif.

Daripada 10 elemen humanisme yang ditemukan, 4 elemen tertinggi yang dikaitkan dengan pendidikan humanisme ialah elemen kemanusiaan (85.71%), sahsiah diri (80.95%), kebebasan (61.90%) dan tanggungjawab (61.90%). Manakala, 2 elemen terendah ialah elemen integriti (9.52%) dan elemen prihatin (9.52%). Terdapat 4 elemen humanisme yang mempunyai nilai peratusan sederhana tinggi iaitu elemen kesedaran (47.62%) dan elemen rohani (42.86%). Manakala, elemen humanisme seterusnya yang mempunyai nilai peratusan sederhana rendah adalah elemen sokongan (33.33%) dan elemen berdikari (28.57%).

Jadual 3 di bawah merupakan elemen humanisme yang ditemukan dan dikaitkan dalam pendidikan humanisme dengan pendidikan berdasarkan 21 kajian yang telah dijalankan dari tahun 2018 sehingga 2022.

Jadual 3: Elemen Humanisme dalam Pendidikan

| No | Pengarang | Tahun | Elemen Humanisme dalam Pendidikan | | | | | | | | | | |
|----------------------|-------------------------------|-------|-----------------------------------|-------|------|-------|-------|-------|-------|------|-------|-------|-------|
| | | | Ber | Int | Keb | Kem | Kes | Tan | Pri | Roh | Sah | Sok | |
| 1 | Anas Salahudin et al | 2018 | | | | | | | | | | | |
| 2 | Bu Xun | 2018 | | | | | | | | | | | |
| 3 | Rosida Tiurma Manurung | 2018 | | | | | | | | | | | |
| 4 | S Masfuah et al | 2018 | | | | | | | | | | | |
| 5 | Hulail M | 2019 | | | | | | | | | | | |
| 6 | Wahyudi Buska et al | 2019 | | | | | | | | | | | |
| 7 | Abdul Gani Jamora Nasution | 2020 | | | | | | | | | | | |
| 8 | Devy Habibi Muhammad | 2020 | | | | | | | | | | | |
| 9 | Rizky Very Fadli | 2020 | | | | | | | | | | | |
| 10 | Sabaruddin Sabaruddin | 2020 | | | | | | | | | | | |
| 11 | K.B.Sastrawa & K.Primayana | 2020 | | | | | | | | | | | |
| 12 | A. Yeni & J. Jamaris | 2021 | | | | | | | | | | | |
| 13 | A. Syahid & Ahmad Muzayyan | 2021 | | | | | | | | | | | |
| 14 | Halim Purnomo | 2021 | | | | | | | | | | | |
| 15 | T. Herlina, Kamidjan, Raharja | 2021 | | | | | | | | | | | |
| 16 | Nora Susilawati | 2021 | | | | | | | | | | | |
| 17 | Jagad Aditya Dewantara et al | 2021 | | | | | | | | | | | |
| 18 | Ni Wayan Karmini et al. | 2021 | | | | | | | | | | | |
| 19 | Sebastianus Fedi et al | 2021 | | | | | | | | | | | |
| 20 | Sitti Ratna Dewi Rahmatia | 2022 | | | | | | | | | | | |
| 21 | Yepi Herpanda & Neviyarni | 2022 | | | | | | | | | | | |
| Jumlah Peratusan (%) | | | - | 28.57 | 9.52 | 61.90 | 85.71 | 47.62 | 61.90 | 9.52 | 42.86 | 80.95 | 33.33 |

Maksud:

| | | | | |
|-----------------|-------------------|---------------------|----------------|--------------------|
| Ber – Berdikari | Keb – Kebebasan | Kes – Kesedaran | Pri – Prihatin | Sah – Sahsiah Diri |
| Int – Integriti | Kem – Kemanusiaan | Tan – Tanggungjawab | Roh – Rohani | Sok - Sokongan |

5. Perbincangan Kajian

Kajian ini merangkumi tinjauan sistematik kesusteraan terkini lima tahun mengenai elemen humanisme yang dikaitkan dengan pendidikan humanisme dalam sistem pendidikan. Konsep pendidikan humanisme boleh dikatakan sebagai satu usaha untuk membimbing seseorang khususnya kalangan muda sehingga mampu membentuk perwatakan dan akhlak yang baik [10]. Pendidikan humanisme adalah sangat penting. Pembelajaran dan pengajaran berteraskan humanistik dapat membentuk sifat kemanusiaan dalam diri seseorang. Berdasarkan semakan akhir, 21 artikel telah diekstrak dengan teliti daripada pangkalan data *Scopus* dan *Google Scholar*. Sepuluh elemen yang dikaitkan dengan pendidikan humanisme dikenal pasti melalui penyelidikan daripada 21 artikel tersebut iaitu elemen berdikari, kebebasan, kesedaran, prihatin, sahsiah diri, integriti, kemanusiaan, tanggungjawab, rohani dan sokongan.

Elemen humanisme yang kerap ditekankan adalah elemen kemanusiaan. Elemen kemanusiaan seperti kerohanian, hormat-menghormati dan kasih sayang [13] juga merangkumi kepentingan kebebasan, kreativiti, keinginan, kerjasama, keyakinan, moral dan tanggungjawab [19] pelajar merupakan elemen kemanusiaan yang berpaksikan kepada nilai humanistik yang harus disemai dan diterapkan dalam diri setiap pelajar. Nilai dan sikap kemanusiaan sepatutnya dijadikan nilai asas dalam diri setiap pelajar supaya mereka dapat meneruskan pelajaran mengikut perubahan zaman tanpa meninggalkan kepentingan nilai akhlak dalam diri mereka. Nilai kemanusiaan positif ini bukan sahaja membentuk keperibadian pelajar yang mempunyai budi pekerti tinggi tetapi sekali gus menunjukkan peranan serta contoh baik tenaga pengajar yang perlu menjadi teladan.

Sahsiah diri merupakan elemen kedua yang kerap ditekankan pengkaji terdahulu turut menyatakan bahawa pembinaan sahsiah adalah teras kepada pendidikan humanisme. Sahsiah yang dimaksudkan ialah pelajar yang mempunyai personaliti, mental, sifat-sifat moral atau perwatakan yang membezakan seseorang dengan orang lain [11] dan hanya pendekatan humanisme, sahsiah diri dapat dibentuk. Sahsiah diri boleh dikatakan sebagai pembentukan akhlak yang baik dalam diri setiap pelajar. Keperibadian yang mementingkan kejujuran, simpati, belas kasihan dan altruisme [7] iaitu prinsip mengutamakan kebajikan atau kebahagian orang lain daripada kepentingan diri sendiri perlu disemai sejak kecil terutamanya semasa di pra sekolah dan sekolah rendah kerana pembentukan akhlak lebih mudah dilakukan dan berkesan ketika usia ini. Titik perubahan ini sangat penting untuk diberikan atas didikan secara humanistik untuk membentuk jati diri dan akhlak mereka. Oleh itu, dengan bimbingan para pengajar, setiap pelajar berpotensi memberikan tumpuan mempelajari sesuatu yang baru dalam pembinaan sahsiah diri yang baik dan akhirnya keperibadian ini akan meluas diguna pakai sehingga ke peringkat keluarga, sekolah, komuniti dan masyarakat.

Elemen kebebasan dan tanggungjawab turut ditekankan. Kebebasan iaitu setiap pelajar berperanan untuk mengekalkan kebebasan dalam melakukan yang terbaik untuk diri dan juga sekelilingnya. Bebas tidak bermaksud pelajar boleh melakukan apa sahaja tanpa batasan, tindakan mereka perlu dibimbang supaya tidak membatasi keperluan objektif yang disasarkan. Oleh itu, pendidikan humanisme ialah kaedah yang menggalakkan kebebasan untuk melakukan semua perkara positif sahaja [11]. Begitu juga dengan tanggungjawab, setiap pengajar bertanggungjawab dalam menyampaikan ilmu dan membimbang para pelajar untuk mendidik mereka berjaya dalam pelajaran serta keperibadian mereka di masa hadapan, justeru, setiap pelajar juga bertanggungjawab dalam menerima serta sentiasa meningkatkan prestasi diri mereka dalam kedua-dua sudut iaitu pembelajaran dalam akademik dan juga perwatakan diri.

Elemen integriti dan elemen prihatin juga kerap dinyatakan kajian lepas. Walaupun kurang ditekankan, secara asasnya, integriti dan prihatin merupakan elemen wajib yang semestinya perlu diberi fokus dan ditekankan kepada setiap warga pengajar dan pelajar khususnya bagi menyemai sifat insaf dan empati dalam diri mereka. Pengajar yang menekankan elemen integriti dan prihatin dalam dirinya untuk menjalankan tugas sebagai seorang pengajar sudah tentu akan dapat menyampaikan ilmu pengetahuan berguna kepada pelajarnya dengan cara yang betul. Begitu juga dengan pelajar, mereka perlu menyemaikan sifat integriti dalam diri untuk menuntut ilmu dengan kaedah betul tanpa membendung perkara negatif. Malahan, sifat prihatin dalam diri pelajar dapat dipupuk untuk merasa simpati dan empati ketika berhadapan dengan pelbagai situasi. Ini kerana, dalam falsafah pendidikan humanisme turut berpandangan bahawa pembelajaran bukan sekadar kepada pembangunan kognitif semata-mata tetapi menekankan juga tentang emosi serta perasaan dan komunikasi terbuka dan nilai yang dimiliki setiap pelajar [15].

Elemen kerohanian pula diterapkan bagi memperbaiki dan meningkatkan personaliti pelajar dengan seimbang supaya dapat menzahirkan nilai positif secara total. Konsep keagamaan untuk membangunkan sahsiah pelajar melalui aplikasi bercirikan humanistik dalam pembelajaran sangat strategik diperlakukan sama ada di peringkat sekolah rendah maupun pendidikan tinggi. Pemahaman pedagogi teori dan praktikal bercirikan humanistik sangat penting kepada warga pendidik dalam mengoptimumkan objektif pembelajaran [2]. Di dalam penerapan pedagogi humanistik, pengajar masih menyediakan bimbingan, menguruskan kelas dan mencari pelajar untuk melibatkan diri dengan aktiviti bermakna yang akan menjadikannya seorang berkemahiran dan bersikap baik yang dikembangkan melalui aktiviti pembelajaran. Elemen kerohanian ini menggalakkan pelajar menjadi insan yang berpotensi tinggi berdasarkan keperluan global yang berkembang sendiri untuk menyumbang kepada masyarakat [4].

Selain itu, elemen kesedaran adalah elemen yang perlu dititikberatkan setiap pelajar supaya mereka menyedari serta dapat membezakan perkara yang betul dan salah. Malah pendidikan humanisme dapat diperaktikkan dengan wujudnya sokongan penuh dari tempat pengajian atau tempat yang dididik seperti sekolah. Dengan adanya elemen sokongan ini, pendekatan humanisme dapat dilaksanakan di sekolah. Hal ini kerana sekolah merupakan pusat perkembangan potensi, bakat dan membentuk perwatakan atau sahsiah diri bagi seseorang pelajar sikap yang baik [14] dengan memiliki sifat atau sikap yang positif.

Elemen berdikari iaitu keupayaan seseorang individu dalam mempertingkatkan diri [20] tanpa meletakkan harapan dan bergantung kepada orang lain. Penekanan proses kognitif dan afektif dalam pembelajaran ini menggabungkan keupayaan dan potensi pelajar supaya mereka bebas memilih dan menguruskan kehidupan mereka [16]. Dalam pendidikan, setiap pelajar seharusnya diberi peluang berdikari dalam menimba ilmu dan memperbaiki diri mereka untuk membentuk jati diri yang positif melalui pendidikan humanistik yang menjadi asas dalam pendidikan. Peluang seumpama ini meningkatkan keupayaan pelajar untuk terus meneroka ilmu pengetahuan yang lebih luas mengikut acuan kemampuan mereka sendiri. Dalam proses pembelajaran, pelajar perlu berusaha secara beransur-ansur dapat mencapai aktualisasi kendiri dengan sebaik mungkin. Kaedah pembelajaran yang memfokuskan kepada pengalaman ini akan dapat melengkapkan kualiti pembelajaran dan memberi makna kepada pelajar kerana mereka telah terlibat secara peribadi dalam mengambil inisiatif ketika aktiviti pembelajaran yang telah diprogramkan sendiri.

Oleh hal yang demikian, pendidikan humanisme turut perlu diambil kira dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pendidikan yang menerapkan unsur-unsur humanisme sangatlah penting dalam memberi manfaat ke atas pendidikan pelajar malah setiap pengajar turut dapat meningkatkan sifat humanisme dalam diri demi menjadi suri teladan kepada para pelajar. Hal ini untuk mencapai objektif, visi dan misi pengajaran dan pembelajaran yang lebih efektif dan berkualiti.

6. Kesimpulan

Matlamat utama kajian ini adalah untuk memperkasakan elemen humanisme dalam pendidikan khususnya kepada tenaga pengajar bagi mengutamakan dan menekankan sifat kemanusiaan dalam sesi pembelajaran dan pengajaran kepada para pelajar. Daripada kajian ini, elemen humanisme dalam pendidikan seperti berdikari, integriti, kebebasan, nilai kemanusiaan, kesedaran, tanggungjawab, prihatin, rohani, sahsiah diri dan sokongan banyak diperbincangkan oleh pengkaji sejak lima tahun terdahulu. Kajian pendidikan humanisme penting dilaksanakan dari semasa ke semasa agar semua pihak khusus tenaga pengajar supaya dapat memahami dan mendalami elemen pendidikan humanisme yang merupakan sebahagian daripada pembentukan pembelajaran fitrah humanistik dalam sistem pendidikan. Secara ringkasnya, elemen humanisme seperti nilai kemanusiaan serta pembentukan sahsiah diri perlulah diperaktikkan ketika sesi pembelajaran supaya nilai ini dapat disemai dan ditanamkan dalam diri setiap pelajar. Nilai kemanusiaan ini termasuklah seperti nilai moral, etika sosial, toleransi, berbuat baik, cintakan keadilan, kebenaran dan kejujuran perlu ada dalam diri pelajar untuk bersikap ihsan dan bertanggungjawab sekali gus dapat melahirkan komuniti di kalangan pelajar yang bijaksana dari segi pendidikan dan sahsiah diri. Secara tidak langsung dapat mencegah isu krisis moral tingkah laku pelajar di sekolah seperti buli, bergaduh, seks bebas tidak menghormati guru dan sebagainya. Oleh hal demikian, satu alternatif iaitu usaha dalam membina kesedaran terhadap pendidikan humanisme di peringkat awal adalah sangat penting. Hal ini untuk memupuk semangat nasionalisme serta menghormati dan bertolak ansur dalam diri setiap individu. Ini turut dilakukan sebagai nilai asas pendidikan yang diterapkan di sekolah. Kualiti pembelajaran dan kebermaknaan pembelajaran boleh dicapai dengan menerapkan prinsip pembelajaran humanistik iaitu cara belajar, belajar mandiri, motivasi diri dan pendidikan afektif. Justeru, pendidikan humanisme diharap dapat membangunkan kemahiran fizikal (hard skills) dan kemahiran insaniah (soft skills) bagi menyediakan pelajar lebih bersedia dan relevan dengan kehendak semasa, menyediakan graduan sebagai pemimpin masa hadapan negara yang mempunyai ciri unggul dan sahsiah diri yang boleh dicapai secara optimum.

Penghargaan

This research was supported by the Ministry of Higher Education (MOHE) through Fundamental Research Grant Scheme (FRGS/1/2020/SS0/UTHM/03/2).

Rujukan

- [1] A. Syahid Robbani, Ahmad Muzayyan Haqqy, "Theory of Learning Humanism And Its Implications", Tarling: Journal Of Language Education, Vol. 5, No. 1, 1-14. 2021.
- [2] Anas Salahudin, Yayan Carlian, Dede Rohaniawati, Neng Gustini, Neng Gustini. (2018) The Implementation of Religious Humanistic Pedagogy to Building Student Character. Atlantis Press, Advances in Social Science, Education and Humanities Research, Volume 261, 293-295.
- [3] Fadli, R. V. (2020). Tinjauan Filsafat Humanisme: Studi Pemikiran Paulo Freire Dalam Pendidikan. Reforma: Jurnal Pendidikan Dan Pembelajaran, Vol.9 No. 2 (2020), P-Issn: 2503-1228; E-Issn: 2621-4172, 96-103.
- [4] Halim Purnomo, Moh. Toriqul Chaer, Firman Mansir. (2021). Humanistic Public Service Education In Government Gamping Sub-District Yogyakarta. Al-Tanzim: Jurnal Manajemen Pendidikan Islam, Vol. 05 No. 02, 52-61.
- [5] Ketut Bali Sastrawan, Kadek Hengki Primayana. (2020). Urgensi Pendidikan Humanisme Dalam Bingkai A Whole Person. Haridracarya: Jurnal Pendidikan Agama Hindu, Vol. 1, No. 1, Juni 2020, ISSN: 2722-6638, 1-12.
- [6] Lockwood, M., Raymond, C.M., Oczkowski, E., & Morrison, M. (2015). Measuring the dimensions of adaptive capacity: a psychometric approach. Ecology and Society, 20(1), 37. <http://dx.doi.org/10.5751/ES-07203-200137>
- [7] Hulail M. (2019). Humanism In Medical Practice: What, Why and How? World Jurnal of Medical Education And Research, WJMER, Vol 20: Issue I, 2-6.
- [8] Manurung, R. T. (2018). Models of Language Teaching and Humanizing Education. Cakrawala Linguista E-ISSN: 2597-9779 dan P-ISSN: 2597-9787, 14-19.
- [9] Muhammad, D. H. (2020). Implementasi Pendidikan Humanisme Religiusitas Dalam Pendidikan Agama Islam Di Erarevolusi Industri 4.0. Edumaspul - Jurnal Pendidikan (ISSN 2548-8201), Vol. 4 – No. 2, Page 122- 131.
- [10] Nasution Jamora, A. G. (2020). Diskursus Merdeka Belajar Perspektif Pendidikan Humanisme. Fakultas Ilmu Tarbiyah Dan Keguruan UIN Sumatera Utara Medan Jl. Willem Iskandar Pasar V Medan Estate, Medan Sumatera Utara, 20371, 1-15.
- [11] Ni Wayan Karmini, A.A. Kade Sri Yudari, I Gusti Ayu Suasthi, Ni Luh Gede Hadriani, Made Setini. (2021). Model Of Humanism Education Based on Local Wisdom in Elementary School In Bali. International Journal of Early Childhood Special Education (INT-JECSE), 13(2), 1056-1063.
- [12] Rahmatia, S. R. D. (2022). Konsep Pendidikan Humanisme Dalam Pengembangan. Jurnal Pendidikan Ar-Rashid Vol.7 No 1, 1-9.
- [13] S Masfuah, N Fajrie, R Rahayu. (2018). Humanism in Science Learning for Children with Special Needs. ICoSMEE PROCEEDING, 400-407.
- [14] Sabaruddin, S. (2020). Sekolah Dengan Konsep Pendidikan Humanis. Humanika, Kajian Ilmiah Mata Kuliah Umum, ISSN: 1412-1271 (P); 2579-4248 (E). Vol. 20. No. 2., 147-162.

- [15] Sebastianus Fedi, Valeria S. Kurnila, Vera Dewi Susanti, Ririn Hutneira, Rochmad, Isnarto. (2021). Pembelajaran Matematika Berbasis Filsafat Humanis. Jurnal Pendidikan Tambusai, 10090-10104.
- [16] Susilawati, N. (2021). Merdeka Belajar Dan Kampus Merdeka Dalam Pandangan Filsafat Pendidikan Humanisme. Jurnal Sikola: Jurnal Kajian Pendidikan Dan Pembelajaran, 203-219.
- [17] Tika Herlina, Kamidjan, Hawwin Fitra Raharja. (2021). Literature Study: The Concept of Humanism Education According to Gus Dur Associated With. Jurnal IJPSE (Indonesia Journal Of Primary Science Education) Vol. 01, No. 02, April 2021| ISSN Cetak: 2746-1394 | ISSN Online : 2775-0264, DOI : 10.33752/Ijpse.V1i2.1272, 25-32.
- [18] Wahyudi Buska, Yogia Prihartini, Muhamad Yusuf, Muhammad Ridha D. S., Syamsarina Syamsarina. (2019). Islamic Values in Speech Roll Tradition as Humanist Education in Jambi. Atlantis Press SARL, Advances in Social Science, Education and Humanities Research, Volume 438, 159-163.
- [19] Jagad Aditya Dewantara, Yudi Hermawan, Dadang Yunus, Wibowo Heru Prasetyo, Efriani, Fitria Arifiyanti, T Heru Nurgiansah. (2021). Anti-Corruption Education as An Effort to Form Students with Character Humanist and Law-Compliant. Jurnal Civics: Media Kajian Kewarganegaraan. Vol. 18 No.1 April, 70 – 81.
- [20] Xun, B. (2018). The Dynamic Teaching Model of Advanced English Based on Humanism. Atlantis Press, Advances in Social Science, Education and Humanities Research, Volume 176, 1221-1224.
- [21] Yeni Agustin, Jamaris Jamna. (2021). Philosophy Of Humanism Education in The Perspective Of. International Journal of Progressive Sciences and Technologies (IJPSAT), Vol. 29 No. 2 November 2021, ISSN: 2509-0119., 448-453.
- [22] Yepi Herpanda, Neviyarni. (2022). Relevansi Pemikiran Humanisme Terhadap Konsep Merdeka. Ensiklopedia Of Journal, Vol. 4 No.2 Edisi 1, 88-96